

NOVEMBER
2022

Aspirasi
Kesinambungan

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknp.gov.my



SETINGGI-TINGGI
Tahniah

KEPADA
DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL
SSAP, SUMW., DSAP, DIMP., SMP., AMP.

DI ATAS PERLANTIKAN SEBAGAI
YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR PAHANG

Iktlas Daripada:

Ahli Perbadanan, Pengurusan

serta

Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP



PERJUMPAAN YAB. MENTERI BESAR PAHANG BERSAMA ANGGOTA PEKERJA PKNP

Kuantan, 3 November - YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail meluangkan masa bertemu hampir 150 anggota pekerja PKNP di Dewan Utama EDC, Kompleks Teruntum.

YAB. Sri sebelum itu mempengerusikan Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP Bil.2 / 2022 di Bilik Lembaga PKNP, Tingkat 16, Kompleks Teruntum.

Beliau berkata, PKNP telah berjaya keluar dari bebanan hutang yang besar dan pada tahun 2022, PKNP berjaya menyelesaikan hutang sebanyak RM 200 juta secara berfasa kepada CIMB Bank di mana bayaran yang terakhir sebanyak RM 30 juta telah diselesaikan pada bulan Mei yang lalu.

Penyelesaian hutang ini merupakan antara sasaran utama dalam Pelan Strategik PKNP 2021 - 2026.

Beliau juga berkata, "PKNP telah berjaya mencatatkan keuntungan bersih pada dua tahun kebelakangan dan InshaAllah berada di dalam prestasi terbaik untuk terus mencatat keuntungan bagi tahun 2022".

"Inilah keuntungan yang Kerajaan Negeri harapkan dari pada sebuah S-GLC seperti PKNP yang berupaya memacu pelan perancangan dan pembangunan terut-



YAB. Menteri Besar Pahang mengingatkan anggota pekerja PKNP untuk terus bersama-sama naikkan imej PKNP

ma di sektor perindustrian, pembangunan hutan dan pelaburan yang menjadi sumber kewangan utama, kata beliau.

Beliau berharap PKNP akan terus melakar kejayaan yang lebih besar di masa hadapan.

Turut hadir adalah Setiausaha Kerajaan Pahang, YB. Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak, YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang, Dato' Saiful Edris bin Zainuddin, YB. Pegawai Kewangan Negeri Pahang, Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar dan Ahli - Ahli Perbadanan PKNP yang lain.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP RASMI KURSUS TEAM BUILDING



Perasmian kursus Team Building dijalankan dalam suasana santai namun meriah.

Kuantan, 9 November - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah merasmikan majlis pembukaan Kursus Team Building pada 7 November yang lalu.

Kursus Team Building PKNP ini telah diadakan bermula 7 November - 9 November 2022 di BCIC Lodge,

Kuantan melibatkan seramai 36 orang anggota pekerja PKNP.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), YBhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin.

36 orang anggota pekerja ini terdiri daripada anggota pekerja yang baharu dan yang telah bertukar skim perkhidmatan.

YH. Dato' Mohd Faizal berkata kursus ini adalah satu keperluan kerana ia merupakan salah satu kriteria bagi pengesahan jawatan bagi anggota pekerja yang baharu dan juga kepada anggota pekerja yang bertukar skim perkhidmatan.

Malah, kursus ini bertujuan untuk merapatkan ukhwah serta memupuk semangat kecintaan dan setia kepada PKNP.

Kursus selama tiga hari ini dijalankan oleh SAC Consultancy Sdn. Bhd.

HARI INOVASI PKNP CAPAI MATLAMAT MEMBUDAYAKAN INOVASI PKNP



Hari Inovasi kembali diadakan setelah dua tahun tiada penganjuran dalam skala yang besar

Kuantan, 16 November - Hari Inovasi PKNP 2022 telah dianjurkan dengan jayanya pada 16 - 17 November 2022 yang lalu dan dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik.

Antara aktiviti yang dianjurkan adalah Grand Kahoot Lean, Asah Minda, Terjah Lean, Puzzle Lean dan Perkongsian Ilmu Digitalisasi.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, salah satu matlamat penganjuran hari inovasi ini adalah untuk menggalakkan budaya inovasi di kalangan anggota pekerja PKNP.

Malah, membudayakan inovasi ini memerlukan komitmen dari semua pihak dan pengurusan PKNP semestinya memberikan sokongan penuh.

Pada majlis perasmian telah diumumkan pemenang bagi pertandingan slogan Hari Inovasi PKNP 2022. Slogan Warga Inovatif PKNP Progresif cetusan idea Puan Siti Nur Fatihah Zamuri telah dipilih sebagai pemenang dan seterusnya diumumkan sebagai slogan rasmi Hari Inovasi PKNP 2022.

Pada majlis penutup, satu insentif kreativiti dan inovasi 2022 bagi mengiktiraf projek inovasi telah dianugerahkan kepada Encik Ahmad Nur Azrul bin Che Razali melalui projek yang bertajuk Pemetaan Tanah Hakmilik PKNP Melalui Aplikasi Google Earth.



Insentif kreativiti dan inovasi memperlihatkan Encik Ahmad Nur Azrul bin Che Razali sebagai penerima bagi tahun 2022

PROGRAM E-BIZ IDEA PLATFORM KEMBANGKAN POTENSI ANGGOTA PEKERJA PKNP

Kuantan, 17 November - Pembentangan bagi cadangan projek - projek baharu PKNP turut diadakan pada 17 November 2022. Projek yang dinamakan E - Biz idea ini melibatkan 27 orang anggota pekerja PKNP yang dibahagikan kepada 7 kumpulan telah membentangkan idea masing - masing. Antara cadangan idea yang dibentangkan ialah:-

1. Projek Pembangunan Kemudahan Sukan Di Indera Mahkota, Kuantan
2. Pusat Pengumpulan EFB di Rompin, Pahang
3. Projek Data Centre di Kompleks Teruntum
4. Tanaman Jagung Bijirin Secara Komersial di Rompin
5. Projek Tanaman Vanila dan Cafe di Chemperoh, Janda Baik
6. Projek Eco - Friendly Tiny House Retreat di Janda Baik, Kuantan
7. Projek Perlombongan Urban berdasarkan E-waste di Gebeng, Kuantan



KONTINJEN PKNP SERTAI GEMAPUTERA KALI KE - 16



Kontinjen PKNP mengabadikan kenangan sebelum bertolak ke Kuala Terengganu

Kuala Terengganu, 22 November - Seramai 79 anggota pekerja PKNP menyertai Kejohanan Sukan Gemaputra kali ke - 16 yang diadakan di Kuala Terengganu, Terengganu.

Kontinjen PKNP menyertai 6 acara dari 8 acara yang dipertandingkan. Acara tersebut adalah Futsal, Badminton, Boling, Karom, Bola Jaring dan Golf.

Majlis pembukaan Kejohanan Sukan Gemaputra kali ke - 16 telah diadakan pada 22 November 2022 di Dewan Camelia, Hotel Paya Bunga, Kuala Terengganu.

Hadir ke majlis ini adalah Ketua Pegawai Eksekutif, YH. Dato' Mohd Faizal Jaafar dan Chef De Mission, Yang Berbahagia Datin Hajah Noraskin Jamaludin, Pengurus - Pengurus Pasukan dan urusetia.

Kejohanan Gemaputra berlangsung bermula pada 22 November 2022 hingga 26 November 2022.

Keputusan Keseluruhan Kejohanan, PKNP memperoleh tempat ke - 7 daripada 14 kontinjen yang bertanding.



Sorakan semangat oleh peserta dan urusetia kejohanan

lensaPKNP PHOTOGRAPHY

KEJOHANAN SUKAN GEMAPUTERA TERENGGANU KALI KE - 16



HARI INOVASI PKNP 2022



Sidang Redaksi

PENAUNG / PENASIHAT
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

GRAFIK
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli

JURUFOTO
Encik Muhammad Amjad bin Mohamad Azhar